

# Cagamas untung RM551.9 juta

KUALA LUMPUR 26 Mac - Cagamas Holdings Bhd. mencatatkan keuntungan sebelum cukai yang lebih rendah, sebanyak RM551.9 juta, bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 berbanding RM591.5 juta pada tahun 2011.

Dalam satu kenyataan, kumpulan itu berkata, keuntungan sebelum cukai yang lebih rendah itu disebabkan oleh pembelian tanpa perolehan semula (PWOR) dan penurunan aset gadai janji secara beransur-ansur, sebahagiannya diimbangi oleh pembelian aset dengan perolehan semula yang tinggi, pendapatan perpendaharaan yang lebih tinggi dan kemasukan semula peruntukan kerugian pinjaman.

Jumlah pembelian pinjaman dan pembiayaan bagaimanapun meningkat 11 peratus kepada RM3.22 bilion, dipacu oleh pembelian aset Islam yang lebih besar sebanyak RM3.05 bilion.

“Operasi anak syarikat milik penuh dan utama, perniagaan PWR Cagamas Bhd.

berkembang sebanyak 12.9 peratus kepada RM3.07 bilion manakala PWOR sebanyak RM150.2 juta.

“Kumpulan itu juga mengisytiharkan dividen khas sebanyak 25 sen sesaham ditolak cukai kepada para pemegang saham, sebagai tambahan kepada dividen interim sebanyak 15 sen,” katanya. - BERNAMA